



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 26 (25 JUN – 01 JULAI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-26 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,336 kes berbanding 2,582 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 246 kes (9.5%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-26 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-26 adalah sebanyak 59,057 kes berbanding 24,743 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 34,314 (138.7%). Manakala sejumlah 40 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 18 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini menurun sebanyak sembilan (9) lokaliti dengan sejumlah 121 lokaliti hotspot telah dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-26 berbanding 130 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 121 lokaliti tersebut, 90 lokaliti berada di Selangor, 21 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Kedah, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perlis serta Pahang.

Bagi surveilan chikungunya tiada kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-26. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 137 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 1,503 sampel darah dan 83 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena Program Gotong-Royong Mega Perangi *Aedes* 1.0 tahun 2023 yang akan dirasmikan pada 9 Julai 2023, semua peringkat masyarakat diharapkan berganding bahu dalam aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* terutamanya di lokaliti wabak denggi atau kawasan berisiko tinggi pembiakan nyamuk *Aedes*. Luangkan waktu sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk kegiatan Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* agar penularan kes denggi dapat dikurangkan. Selain itu juga, ambil tindakan pencegahan proaktif bagi melindungi diri, keluarga dan komuniti dari ancaman demam denggi dengan penggunaan bahan penghalau nyamuk (repelan) dan menyembur aerosol di dalam ruangan bagi membunuh nyamuk dewasa. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas penyimpanan air seperti kolah, pam tandas serta mangkuk tandas yang jarang digunakan dan struktur lain yang dapat menaung air. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
14 Julai 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-26 dan ke-25 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-26 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-26 tahun 2023